

Headline **24 hours in McDonald's (Alas perut 24 jam di McDonald's...**
Date **10. Jul 2007** Language **MALAY**
Media Title **Harian Metro** Page No **13**
Section **Variasi** Article Size **126** cm2
Circulation **172903** Frequency **Daily**
Readership **605160** Color **Full Color**



CERIA...(dari kiri) Azmir, Nancy, maskot Mac Tonight dan Daniel di majlis pelancaran konsep 24 jam di Damansara, baru-baru ini.

Alas perut 24 jam di McDonald's

Headline 24 hours in McDonald's (Alas perut 24 jam di McDonald's)
Date 10. Jul 2007
Media Title Harian Metro

PENGGEMAR makanan segera, McDonald's kini boleh menikmati hidangan berkenaan 24 jam sehari di semua 72 restoran terpilih seluruh negara.

Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar berkata, kemudahan berkenaan disediakan bagi memenuhi permintaan pelanggan selaras dengan perubahan gaya hidup mereka.

Katanya, kajian mendapati masyarakat terutama warga kota meluangkan banyak masa pada waktu malam sehingga awal pagi berikutan waktu kerja yang tidak menentu.

"Dengan menyediakan perkhidmatan 24 jam, pelanggan boleh menikmati hidangan McDonald's bila-bila masa di 72 restoran McDonald's

seluruh negara dengan 44 daripadanya mempunyai kaunter pandu lalu.

"Lanjutan operasi berkenaan menyaksikan penambahan 10 peratus bilangan pekerja. Dari segi maklumat pemakanan seperti yang disarankan kerajaan, McDonald's memang sudah menyediakannya di setiap hidangan," katanya pada majlis pelancaran konsep 24 jam di Damansara, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Urusan (Pembangunan) McDonald's, Nancy Tan serta Timbalan Pengarah Urusan (Jaminan Kualiti, Pembelian dan Pentadbiran), Daniel Chan.

McDonald's turut memperkenalkan maskot rasmi konsep 24 jam berkenaan iaitu 'Mac Tonight' yang dicipta pada 1986.